

PENDAKWA SYARIE

DENGAN

XXXXXX

(NO. K/P: 64XXXX-04-XXXX)

Dalam Mahkamah Rendah Syariah Jasin Melaka, (Di hadapan Tuan Hakim Mohd Mirza Bin Abdul Rashid) Bertarikh Pada 20 hb Oktober 2010

KES JENAYAH BILANGAN 04003-138-0082 - 2010

Isu/Abstrak

Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 –Kesalahan di bawah Seksyen 81 – Berjudi – Tertuduh Membeli Nombor Ramalan – Sabitan Bersalah dibuat di atas Pengakuan Salah Tertuduh -

Fakta Kes

Pada 13 hb Jun 2009 ,jam lebih kurang 11.00 pagi , berdasarkan aduan awam ,suatu operasi pencegahan pelanggaran Seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 telah diadakan di Daerah Jasin, Melaka oleh Anngota Pegawai Penguatkuasa Agama dari Unit Penguatkuasaan Pejabat Agama Daerah Jasin.

Jam lebih kurang 1.35 petang, satu pemeriksaan telah dilakukan di Permis Judi Sport Toto, Taman Debunga Merlimau, melaka, Ketika tiba di loksai Pegawai Penguatkuasa Pejabat Agama Islam Daerah Jasin telah nampak seorang lelaki yang disyaki melayu beragama Islam berada didalam permis dan membeli tiket perjudian . Anggota Penguatkuasa telah menghampiri suspek dan memperkenalkan diri serta menahan OYDS ini.

Butiran OYDS yang ditahan adalah seperti berikut:

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

NAMA : XXXXXX

NO KP : 64XXXX-04-XXXX

ALAMAT : BATU 14 JALAN MELAKA,
77300 MERLIMAU, MELAKA.

OYDS telah ditahan dibawah seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Beliau telah diambil tindakan dokumentasi di Unit Penguatkuasaan, Pejabat Agama Islam Daerah Jasin dan beliau boleh dihukum menurut peruntukan tersebut.

Keputusan

Diputuskan bahawa mahkamah ini mensabitkan tertuduh seperti berikut:-

Atas Sabitan Bersalah terhadap Tertuduh XXXXXX No. Kad Pengenalan: 64XXXX-04-XXXX di bawah Seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Selangor 1991 iaitu Berjudi -
Mahkamah dengan ini menjatuhkan hukuman denda sebanyak *RM 800.00* Dan *penjara 7hari* mulai hari ini.

Peguam Syarie

Tuan Akmaluddin bin Ilyas bertindak sebagai Pendakwa Syarie
Tertuduh tidak diwakili Peguam Syarie

Surah Al-Quran Yang Dirujuk

Surah An-Nisa', ayat 135

Surah An-Nisa', ayat 59

Surah Al-Maaidah ayat 90

Hadis Yang Dirujuk

إنما الأعمال بالنية

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Kitab Yang Dirujuk

Kitab Khosiah I'annatut Talibin, Juzu' 3,

Kitab Mughni al-Muhtaj, Jilid 2

Undang –Undang Yang Dirujuk

Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991

(Seksyen 81)

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002

(Seksyen 50 (2) (a))

Enakmen Keterangan Syariah Selangor 2002

(Seksyen 3, 17, 48, 49, 50, 73, 74, 75, 76 dan Seksyen 77)

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002

(Seksyen 96)

Kes –Kes Yang Dirujuk

XXXXXX lawan XXXXXX

XXXXXX lawan Pendakwa Syarie Pulau Pinang

ALASAN PENGHAKIMAN

Pada 13 hb Jun 2009 ,jam lebih kurang 11.00 pagi , berdasarkan aduan awam ,suatu operasi pencegahan pelanggaran Seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 telah diadakan di Daerah Jasin, Melaka oleh Anngota Pegawai Penguatkuasa Agama dari Unit Penguatkuasaan Pejabat Agama Daerah Jasin.

Jam lebih kurang 1.35 petang, satu pemeriksaan telah dilakukan di Permis Judi Sport Toto, Taman Debunga Merlimau, melaka, Ketika tiba di loksai Pegawai Penguatkuasa Pejabat Agama Islam Daerah Jasin telah nampak seorang lelaki yang disyaki melayu beragama Islam berada didalam permis dan membeli tiket perjudian . Anggota Penguatkuasa telah menghampiri suspek dan memperkenalkan diri serta menahan OYDS ini.

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Butiran OYDS yang ditahan adalah seperti berikut:

NAMA : XXXXXX

NO KP : 64XXXX-04-XXXX

ALAMAT : BATU 14 JALAN MELAKA,
77300 MERLIMAU, MELAKA.

OYDS telah ditahan dibawah seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Beliau telah diambil tindakan dokumentasi di Unit Penguatkuasaan, Pejabat Agama Islam Daerah Jasin dan beliau boleh dihukum menurut peruntukan tersebut.

Bidangkuasa Mahkamah

Sebelum mahkamah memberikan keputusan mahkamah perlu meneliti samada mempunyai bidangkuasa mendengar kes ini dan seterusnya menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh di atas pengakuan salahnya. Berdasarkan peruntukan **Seksyen 50 (2) (a) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) No. 1/2002** ada menyatakan bahawa:-

50. (2) *Mahkamah Rendah Syariah hendaklah*

(a) *dalam bidangkuasa Jenayah, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam(Negeri Melaka) 2002 atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi RM 3,000.00, atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukan itu; dan*

Begitu juga dengan **Seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka No. 1991** telah diperuntukan tentang hukuman mengenai kesalahan sepertimana yang telah dilakukan oleh Tertuduh. Seksyen tersebut memperuntukan bahawa:-

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

81 (1) Sesiapa orang Islam yang didapati hadir ditempat-tempat judi sama ada ia melakukan perjudian atau tidak, adalah merupakan satu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Bagi Maksud Subseksyen (1) di atas

“tempat berjudi” ertinya mana-mana premis sama ada terbuka ataupun tertutup dan termasuklah bilik, pejabat atau gerai sama ada orang awam atau ahli-ahli tertentu yang mempunyai hak untuk memasukinya, mengguna atau menyimpan untuk permainan mana-mana permainan berbentuk nasib atau percampuran antara nasib dan kemahiran sama ada secara sah atau sebaliknya untuk wang atau faedah kewangan, tetapi tidak termasuk loteri persendirian dan loteri yang dianjurkan Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat dibawah Social dan Welfare Services Lotteries Board Act 1950 and 1962.

Setelah mahkamah meneliti kesemua seksyen-seksyen yang disebutkan di atas, mahkamah berpuashati bahawa ini mempunyai bidangkuasa untuk mendengar dan seterusnya menjatuhkan hukuman kepada tertuduh setelah mahkamah mendengar pengakuan bersalah dan setelah mahkamah berpuashati dengan pengakuan salah tertuduh itu. Oleh yang demikian, mahkamah telah mensabitkan tertuduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan pihak pendakwa dan setelah mahkamah mendapati bahawa pihak Pendakwa telah mengemukakan keterangan-keterangan yang jelas dan kukuh serta membuktikan tertuduh telah melakukan kesalahan seperti dinyatakan di atas berdasarkan fakta-fakta seperti di bawah:-

Pertuduhan

XXXXXX (NO. K/P: 64XXXX-04-XXXX);

Bahawa kamu pada 13.06.20039 lebih kurang jam 1.35 petang di Premis Perjudian Sport Toto, Taman Debunga , Merlimau Melaka. Di dalam Derah Jasin didapati hadir dan membeli tiket perjudian di

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

premis perjudian tersebut. Oleh itu kamu dituduh melakukan dibawah seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 dan kamu boleh dihukum dibawah peruntukan tersebut.

Ulasan Mahkamah

Pada pendapat mahkamah pihak pendakwa berjaya membuktikan fakta-fakta tersebut dengan jayanya dan berjaya membuktikan tertuduh berkhalwat yang mana pembuktian dakwaan tersebut adalah menjadi tanggungjawab Pendakwa selari dengan kaedah fiqh yang berbunyi:-

البينة على المدعى واليمين على من انكر

Maksudnya: Keterangan atas yang mendakwa dan sumpah atas yang engkar

dan juga telah memenuhi kehendak dan keperluan yang disyaratkan dalam Seksyen 3, 48, 49, 50, 73, 74, 75, 76 dan Seksyen 77 Enakmen Keterangan Syariah Negeri Melaka 1991 yang mana kesemua seksyen-seksyen itu menyebut seperti *Seksyen 3 Enakmen Keterangan Syariah Negeri Melaka 2002* menyebut:-

1. “keterangan” termasuklah –

- a. bayyinah dan syahadah;
- b. segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubungan dengan perkara-perkara fakta yang disiasat: pernyataan sedemikian disebut lisan;
- c. segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan mahkamah: dokumen-dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.

Seksyen 48 Enakmen yang sama

48. Kandungan dokumen boleh dibuktikan samada dengan keterangan primer atau melalui sekunder.

Seksyen 49

49. Keterangan primer ertinya dokumen itu sendiri yang dikemukakan untuk pemeriksaan mahkamah.

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Seksyen 50

50. Keterangan Sekunder termasuklah –

- a. salinan diperakui yang diberikan menurut peruntukan-peruntukan yang terkandung kemudian daripada itu;*
- b. salinan yang dibuat daripada naskhah asal melalui proses mekanikal, yang sendirinya memastikan ketepatan salinan itu, dan juga salinan yang dibandingkan dengan salinan itu.*

Seksyen 73

- 73. (1) sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana mahkamah memberi penghakiman tentang apa-apa hak atau liabiliti di sisi undang-undang dengan bergantung atas kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.*
- (2) Apabila seseorang terikat membuktikan kewujudan sesuatu fakta, maka beban membuktikan terletak pada orang itu.*

Seksyen 74

- 74. Beban membuktikan dalam sesuatu guaman atau prosiding adalah terletak pada orang itu yang mungkin gagal sekiranya tiada apa-apa keterangan jua pun diberikan oleh mana-mana pihak.*

Seksyen 75

- 75. Beban membuktikan ssesuatu fakta tertentu adalah terletak pada orang yang berkehendakkan mahkamah mempercayai tentang kewujudan fakta itu.*

Seksyen 76

- 76. Beban membuktikan mana-mana fakta yang perlu dibuktikan untuk membolehkan seseorang memberi keterangan mengenai mana-mana fakta lain adalah terletak pada orang yang hendak memberikan keterangan itu.*

Seksyen 77

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

77. *Apabila seseorang dituduh atas sesuatu kesalahan, maka beban membuktikan kewujudan hal keadaan yang menjadikan kes itu termasuk dalam mana-mana kecualian am yang diperuntukan dalam Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 adalah terletak padanya dan mahkamah hendaklah menganggapkan hal keadaan tersebut sebagai tidak ada.*

Dalam kes ini, Sabitan bersalah tertuduh juga disabitkan oleh mahkamah berdasarkan pengakuan bersalah tertuduh sebanyak tiga kali, secara sukarela, tanpa sebarang paksaan atau pujukan mana-mana pihak terhadap pertuduhan yang dibacakan kepada tertuduh dan di atas kebenaran fakta kes serta dokumen yang dikemukakan pihak pendakwa. Tertuduh juga memahami kesan akibat pengakuan salah tersebut ketika disoal oleh mahkamah. Pengakuan salah oleh tertuduh pada pandangan mahkamah sudah mencukupi untuk mahkamah mensabitkan kesalahan tertuduh iaitu berjudi. Pada mahkamah pengakuan tertuduh tersebut adalah mengikat diri tertuduh sendiri selari dengan kaedah yang menyebut :-

المرء مؤخذ بإقراره

yang bermaksud: Seseorang itu dipegang berdasarkan pengakuannya”

Selain itu, pada pendapat Mahkamah pengakuan salah tertuduh itu juga merupakan satu iqrar tertuduh terhadap fakta pertuduhan yang dikenakan ke atasnya dan iqrar tertuduh itu telahpun memenuhi kehendak seperti yang disyaratkan oleh Hukum Syarak dan peruntukan undang-undang yang sedia ada di Selangor ini. Dalam hal ini, mahkamah merujuk **Kitab Khosiah l’anat Talibin**, juzu’ 3 muka surat 382 yang berbunyi:

الإقرار لغة الإثبات وشرعا إحق بحق عليه

أيضا بحق عليه يسمى اعتراف

Maksudnya: Iqrar dari segi bahasa bererti mensabitkan manakala menurut syarak diertikan sebagai memberitahu hak seseorang ke atas dirinya. Iqrar juga disebut sebagai iktiraf.

Di dalam kitab Mughni al-Muhtaj, Jilid 2 muka surat 238 ada disebut yang bererti:-

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

“Rukun iqrar itu ada 4 perkara iaitu muqirrun (orang yang beriqrar), muqarrun lahu (orang yang diberikan iqrar untuknya oleh orang yang beriqrar), sighah (ucapan atau kata-kata iqrar) dan muqirrun bihi (hak atau kepentingan yang diiktiraf oleh pihak yang beriqrar).”

Selain itu, **Surah An-Nisaa ayat 135** ada menyebut :-

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا

Ertinya : “Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri...”

Secara jelas, ayat ini menerangkan bahawa apa yang dimaksudkan dengan kesaksian ke atas diri kamu sendiri itu ialah iqrar, iaitu pengakuan dengan hak yang didakwa ke atas diri sendiri. Sebagai contoh misalan **Rasulullah SAW menerima iqrar melakukan zina daripada Maiz dan Ghamidiyyah dan Baginda memerintahkan had zina dijatuhkan ke atas mereka membuktikan keesahan pembuktian secara iqrar dalam hukum syarak**. Manakala dari sudut perundangan, mahkamah merujuk Seksyen 17 (1) Enakmen Keterangan Syariah Negeri Melaka 1991 yang menyebut:-

17.(1) Iqrar adalah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak.

Seterusnya Seksyen 17 (2) Enakmen yang sama juga menyebut:-

17.(2) sesuatu Iqrar hendaklah dibuat –

a. dalam mahkamah, di hadapan hakim; atau

b. di luar mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang akil baligh dan adil.

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Dalam kes ini rukun iqrar telah dipenuhi sepenuhnya. Orang yang berikrar ialah Tertuduh sendiri, orang yang diberikan iqrar ialah Hakim, pengakuan bersalah merupakan sighth, dan hak yang diiqrarkan ialah melakukan kesalahan di bawah sub seksyen 81 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Melaka No. 1991. Pada pendapat Mahkamah, kedua-dua seksyen di atas juga telah memenuhi kehendak Seksyen 96 (a) dan (b) Bahagian X Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002 yang menyatakan:-

96. *Tatacara yang berikut hendaklah diikuti oleh Hakim dalam perbicaraan:*

(a) apabila orang yang dituduh menghadirkan diri atau dibawa ke hadapan Mahkamah, maka pertuduhan yang mengandungi butir-butir kesalahan yang dia dituduh itu hendaklah dibentuk, dibaca dan dijelaskan kepadanya, dan dia hendaklah ditanya samada dia bersalah atas kesalahan yang dipertuduh itu atau meminta dibicarakan;

Dalam kes ini, Mahkamah telah mendapatkan pengakuan bersalah tertuduh sebanyak tiga kali yang mana tertuduh mengakui mendengar dan faham akan pertuduhan yang dikenakan ke atasnya, dan bersetuju dengan pertuduhan yang dibacakan oleh Pembantu Pendaftar mahkamah. Selain itu, tertuduh juga mengakui bahawa fakta kes yang dibentangkan oleh Pendakwa Syarie adalah benar dan bersetuju akan kebenaran segala fakta tersebut. Selain itu, berdasarkan iqrar tertuduh bahawa tertuduh faham akibat daripada pengakuan salahnya dan pengakuan bersalah yang dibuat adalah secara sukarela, tiada paksaan dan tidak bersyarat. Oleh itu, denganakuan tertuduh tersebut, mahkamah berpuashati bahawa pengakuan bersalah tertuduh hendaklah diterima dan bolehlah direkodkan oleh Mahkamah. Ianya bersesuaian dengan kehendak undang-undang seperti yang dinyatakan oleh Seksyen 96 (b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002 yang berbunyi:-

96. *(b) jika tertuduh mengaku bersalah atas sesuatu pertuduhan sama ada pertuduhan asal atau yang dipinda,akuan itu hendaklah direkodkan dan dia boleh disabitkan atas kesalahan itu;*
Dengan syarat bahawa sebelum sesuatuakuan bersalah direkodkan, Mahkamah hendaklah menentukan bahawa tertuduh memahami sifat dan akibat daripadaakuannya itu dan dia berniat untuk mengakui, tanpa bersyarat, kesalahan yang dikatakan terhadapnya itu;

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Berdasarkan seksyen di atas, setelahakuan atau pengakuan bersalah tertuduh diambil dan direkodkan, mahkamah boleh menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh di atas sabitan bersalah tersebut. Bagi kesalahan kes ini iaitu pelanggaran terhadap Seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 telah menyatakan dengan jelas tentang hukuman bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen ini seperti kes tertuduh pada hari ini. Seksyen tersebut menyatakan seperti berikut:-

81 (1) 81 Sesiapa orang Islam yang didapati hadir ditempat-tempat judi sama ada ia melakukan perjudian atau tidak, adalah merupakan satu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Mahkamah mendapati bahawa berdasarkan peruntukan tersebut adalah jelas, sekiranya seseorang itu telah disabitkan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991, mahkamah boleh menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh dengan salah satu daripada tiga (3) bentuk hukuman yang diperuntukan iaitu **samada menjatuhkan hukuman denda tidak lebih RM 1,000.00 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali.**

Persoalan juga timbul berdasarkan peruntukan di atas, apakah Mahkamah mempunyai kuasa budibicara yang luas dalam membuat keputusan untuk menjatuh hukuman?

Berdasarkan peruntukan tersebut, mahkamah berpendapat bahawa hukuman yang boleh dijatuhkan kepada tertuduh boleh dikenakan secara khusus dan tidak perlu bagi mahkamah menjatuhkan hukuman mengikut turutan bentuk hukuman yang dinyatakan seperti peruntukan Seksyen 81(1) Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 tersebut. Pendapat mahkamah dalam peruntukan itu jelas dinyatakan bahawa Mahkamah mempunyai budibicara yang luas dalam menjatuhkan hukuman kerana peruntukan itu menggunakan perkataan “**boleh dihukum**” yang mana ia tidak mengikat mahkamah untuk menjatuhkan hukuman mengikut turutan hukuman yang dinyatakan dalam peruntukan tersebut. Apatah lagi, berdasarkan peruntukan Seksyen 81 Enakmen Jenayah

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Syariah Negeri Melaka 1991 tersebut menggunakan perkataan “atau” sebagai perantaraan di setiap hukuman yang diperuntukan.

Mahkamah merujuk **Kamus Besar Bahasa Melayu Susunan Haji Zainal Abidin Safarwan, terbitan Utusan Publications Distributions Sdn. Bhd., terbitan Pertama 1995 dalam muka surat 93** dinyatakan bahawa perkataan “atau” diertikan sebagai “pilihan”. Manakala di dalam **Kamus Dewan Edisi Baru, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1993 dalam muka surat 64**, perkataan “atau” membawa maksud (1. kata yang digunakan untuk menunjukkan atau menyatakan) 2. salah satu di antara beberapa hal (barang, perbuatan dll).

Perkara utama yang perlu mahkamah mengambil kira dalam menentukan sesuatu hukuman adalah sebarang hukuman mahkamah kepada tertuduh boleh menjadi iktibar, inzar, pengajaran, peringatan dan balasan bukan sahaja kepada tertuduh malah kepada semua masyarakat Islam supaya tidak melakukan kesalahan yang sama seperti tertuduh. Dalam menentukan apa-apa hukuman terhadap tertuduh dan pesalah bagi kesalahan ini tidak dapat lari daripada hukuman yang dinyatakan di atas. Namun dalam pada masa yang sama mahkamah perlu pastikan bahawa hukuman yang dijatuhkan adalah setimpal dan bertujuan untuk mencegah pesalah mengulangnya dan orang lain dari melakukannya. Dalam pada itu, mahkamah berpendapat dalam kes hukuman ta’zir ini, kuasa mahkamah dalam menentukan hukuman yang telah ditetapkan oleh undang-undang agak luas dan boleh membuat pelbagai pilihan dalam menentukannya.

Oleh kerana hukuman dalam kes ini adalah hukuman ta’zir, Mahkamah merujuk **kitab Al Ahkam As Sultaniyyah dalam muka surat 205 karangan Al-Mawardi** menyebut yang maksudnya:-

“Ta’zir juga suatu istilah yang kalau disebut secara tunggal akan bermaksud hukuman atau keseksaan. Bagi maksud kesalahan ia perlu disebut kesalahan-kesalahan ta’zir. Sebagai suatu hukuman para fuqaha mendefinisikannya sebagai hukuman atau keseksaan yang tidak ditentukan secara terperinci oleh syarak dan dilaksanakan samada untuk kepentingan individu atau masyarakat dalam semua kes selain kes hudud dan qisas.”

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Manakala di dalam **Kitab Al-Fiqh al-Islami waadillatuh**, Juzu' 6 halaman 197 pula menyebut *“takzir merupakan hukuman yang dikenakan ke atas jenayah atau maksiat yang tidak ditentukan hukuman had atau kaffarah.”*

Hukuman ini termasuklah samada jenayah tersebut terhadap hak Allah seperti makan disiang hari dalam bulan Ramadhan tanpa uzur dan meninggalkan solat atau terhadap hak manusia. Hukuman takzir ini boleh dilakukan dalam bentuk pukulan/sebatan, tahanan/penjara dan memberi malu (tawbikh). Para imam mazhab tidak mengharuskan takzir dengan cara mengambil harta pesalah kerana ianya merupakan kezaliman. Manakala Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim menentukan bahawa takzir dengan mengambil harta boleh dilakukan dengan kesalahan-kesalahan tertentu dalam mazhab Maliki, Hambali dan salah satu qaul dalam mazhab Shafi'i.

Dalam kitab yang sama juga di halaman 202 dijelaskan bahawa telah diriwayatkan dari Abi Yusuf bahawa harus bagi pemerintah melaksanakan takzir dengan cara mengambil harta pesalah ialah dengan menahan harta pesalah dalam jangka masa tertentu dengan tujuan memberi pengajaran kepadanya kemudian dipulangkan kembali harta tersebut. Penahanan harta tersebut hendaklah bukan untuk kepentingan pemerintah atau Baitul Mal. Di dalam **Kitab At-Ta'zir Fi Al-Syariah Al-Islamiah** oleh Dr. Aziz Aamir dalam muka surat 52 menyebut maksudnya:

“Fuqaha’ mentakrifkan (takzir) sebagai satu pembalasan yang ditetapkan kadarnya, diwajibkan samada sebagai hak Allah atau hak manusia, di dalam setiap maksiat yang tiada pembalasan had atau kaffarah, mempunyai tujuan yang sama seperti pembalasan had (hudud), iaitu memberikan pengajaran (ta’dib, mengadakan pemulihan (islah) dan mewujudkan ingatan yang menakutkan (zajr)”

Tujuan utama perlaksanaan hukuman ta'zir dalam syariat Islam ialah untuk mengajar, (ta'dib), pencegahan dan pengajaran di samping pemulihan dan pendidikan. Pencegahan ertinya mencegah pesalah dari mengulangi kesalahannya di samping mencegah orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama. Disebabkan pencegahan merupakan tujuan utama hukuman ta'zir maka apa-apa hukuman mestilah mencapai tujuan dan objektif yang telah ditetapkan tersebut. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab mahkamah memastikan setiap hukuman yang dijatuhkan terhadap seseorang pesalah atau tertuduh adalah hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

memastikan hukuman yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada tertuduh dan masyarakat Islam awam lain dan mendidik tertuduh dan masyarakat kita supaya patuh kepada perintah Allah, Rasul dan Pemimpin kita sendiri yang mana kita telah memilih mereka. Sebagaimana firman Allah dalam **Surah An-Nisa' ayat 59** yang berbunyi:-

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya dan pemimpin-pemimpin di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu maka hendaklah kembalikan ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul-Nya (Sunnah).

Dalam syariat Islam, Pemerintah mempunyai kuasa mengarah dan menyuruh ke atas rakyatnya yang mana arahan itu menjadi kewajipan yang mesti dipatuhi dan dilaksanakan oleh rakyat selagi tidak bercanggah dengan hukum Islam. Dalam hal ini, Pemerintah telah membuat satu undang-undang yang menyatakan bahawa melakukan perbuatan berjudi adalah suatu kesalahan di sisi Undang-undang. Selain itu, mahkamah juga harus meneliti dan menghalusi, menilai, meneliti perkara – perkara yang boleh dijadikan asas pertimbangan dalam menentukan sesuatu hukuman antaranya:-

1. Besar atau kecil kesalahan yang dilakukan
2. Rayuan pihak-pihak

Pada pendapat mahkamah dalam hal menentukan samada besar atau kecil kesalahan yang dilakukan adalah sesuatu yang subjektif. Namun bagi Mahkamah samada besar atau kecil kesalahan ini bergantung kepada kesan yang ditinggalkan akibat daripada kesalahan ini kepada masyarakat awam. Selain itu, mana-mana prinsip am jenayah sekalipun ianya bergantung kepada dua keadaan ini iaitu:-

Pertama, kesalahan tertuduh itu telah menyebabkan suatu kejadian atau tanggungjawab di letakkan ke atas bahunya kerana tertuduh telah menyebabkan wujudnya satu keadaan yang di larang undang-

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

undang atau dikenali sebagai **Actus-rea** ataupun dalam bahasa mudah perbuatan tertuduh adalah salah dan berlawanan dengan peraturan dan undang-undang malahan hukum syarak.

Kedua, bahawa tertuduh berada dalam keadaan fikiran yang jelas berhubung dengan sebab kejadian ataupun wujudnya keadaan dan kejadian tersebut ataupun dikenali sebagai **mens-rea** ataupun bahasa lebih mudah adalah dengan niat melakukan kesalahan tersebut. Ia sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:-

إنما الأعمال بالنية

Maksudnya: Sesungguhnya segala perbuatan itu dimulakan dengan niat.....

Oleh yang demikian, mahkamah berpendapat actus-rea tersebut perlu dibuktikan disamping elemen mens-rea atau niat itu secara bersama memandangkan kedua-duanya berkait rapat dalam terjadinya sesuatu perlakuan yang bersalahan dengan peraturan dan undang-undang. Setelah berpuashati bahawa Mahkamah mempunyai bidangkuasa bagi mendengar dan memutuskan kes ini dan setelah yakin bahawa mahkamah mempunyai budibicara yang luas dalam membuat keputusan dengan matlamat menghukum tertuduh sesuai dengan kesalahan yang telah dilanggar di bawah seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syaria Negeri Melaka 1991.

Mahkamah dengan ini, berpendapat bahawa tertuduh dengan melakukan kesalahan ini telah dengan sendirinya telah melanggar larangan dalam agama Islam iaitu berjudi. Sesungguhnya Al-Quran dengan jelas melarang umat Islam daripada berjudi melalui Firman Allah surah Al-Maidah ayat 90;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Yang membawa maksud:

Wahai Orang-Orang yang beriman! sesungguhnya (meminum) Arak, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhila perbuatan-perbuatan itu agar kamu beroleh kejayaan.”

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Sesungguhnya apabila agama Islam melarang sesuatu perbuatan maka Islam juga turut melarang apa jua usaha yang boleh membawa kepada berlakunya sesuatu kesalahan tersebut. Oleh itu, perbuatan tertuduh yang membeli nombor ramalan atau berjudi merupakan satu perbuatan yang tidak bermoral di sisi Agama Islam. Perkara ini juga boleh menjadikan tertuduh dipandang serong oleh ahli keluarganya sendiri samada anak-anaknya mahupun adik beradiknya yang lain. Akibat dari itu tertuduh dengan sendirinya telah menunjukkan contoh teladan yang negatif kepada ahli keluarganya.

Mahkamah juga berharap agar hukuman yang dikenakan bukan sahaja menginsafkan tertuduh agar tidak mengulangi lagi kesalahannya. Mahkamah juga berharap pengajaran kepada tertuduh juga dirasakan oleh masyarakat awam yang lain di masa kebanyakan manusia di kawasan ini suka kepada acara pergaulan d antara lelaki dan perempuan tanpa batas ini mahkamah sepatutnya menghukum dengan hukuman yang berat kepada tertuduh. Walaubagaimanapun mahkamah perlu mematuhi had kuasa yang diberikan oleh Undang-undang negara ini dalam melaksanakan sesuatu undang-undang.

Dokumen-dokumen yang dikemukakan kepada mahkamah iaitu ;-

Borang Senarai Barang Rampasan

Lakaran tempat tangkapan

Resit Judi Sport Toto sebanyak 10 keping yang bernilai RM 84.00

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

KESIMPULAN

Mahkamah ingin menjelaskan tujuan hukuman terhadap tertuduh adalah bagi memastikan bahawa hukuman yang dijatuhkan merupakan hukuman yang dapat menyedarkan, memberi pengajaran dan menginsafkan tertuduh di samping boleh dijadikan pengajaran bahkan juga kepada orang awam lain supaya tidak mengulangi kesalahan yang sama. Apatah lagi semasa mengemukakan rayuan, tertuduh hanya meminta diringkaskan hukuman denda dan penjara tanpa menzahirkan rasa insaf dan akujanji tidak akan melakkan lagi kesalahan ini. Jauh sekali tertuduh menunjukkan penyesalan atau keinsafan tertuduh di atas kesalahan yang sememangnya dirancang samada melalui perkataan mahupun tingkahlaku tertuduh. Bagi mahkamah, tertuduh langsung tidak insaf, tidak menyesal mahupun meminta maaf di atas kesalahan tertuduh. Jadi bagaimana rayuan tertuduh itu harus dipertimbangkan? Sekiranya tertuduh tidak mengetahui cara bagaimana mengemukakan rayuan seharusnya tertuduh melantik Peguam Syarie bagi membantunya dalam kes ini.

Mengulas rayuan tertuduh, Mahkamah berasa amat dukacita kerana tertuduh tidak menggunakan peluang ini bagi meyakinkan Mahkamah apa yang perlu dipertimbangkan berkaitan dirinya sebelum hukuman dijatuhkan. Secara tidak langsung mahkamah beranggapan bahawa tertuduh ini seorang yang ego dan seolah-olah tidak menyesali perbuatannya apabila langsung tidak merayu terhadap hukuman yang akan dijatuhkan. Oleh itu, Mahkamah ini tidak nampak bagaimana mahkamah perlu mengambilkira rayuan tersebut berdasarkan pendapat Mahkamah seperti berikut:-

- a. *Tertuduh semasa melakukan kesalahan ini mengetahui bahawa tindakannya adalah salah dan mengetahui risiko dan bahaya yang akan menimpanya jika melakukan kesalahan itu.*
- b. *Tertuduh telah menyedari bahawa perbuatan berjudi ini merupakan kesalahan sejak tahun lebih 10 tahun lalu. Sebagai seorang Islam, Mahkamah merasakan tertuduh memang sengaja membelakangkan perundangan Syariah di negeri ini dan hukum syarak kerana sanggup melanggarnya sehingga ke sekian kalinya.*

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Rayuan Okt

Tertuduh dalam rayuannya mengemukakan rayuan yang beliau telah insaf dan berjanji tidak akan mengulangi lagi kesalahan lalu. Tertuduh juga merayu kerana mengaku beliau tidak bekerja hanya sekadar membantu ibunya berniaga sahaja.

Bantahan pendakwa

Didalam kes ini tertuduh telah mendengar pertuduhan dan mengaku salah serta setuju dengan fakta kes yang dibacakan tanpa dipaksa mahupun dipujuk oleh sesiapa. Di dalam firman ALLAH S.W.T di dalam surah Al-Maaidah ayat 90

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

90. “Wahai orang-orang Yang beriman! Bahawa Sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib Dengan batang-batang anak panah, adalah (Semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.”

Dengan jelas didalam ayat ini melarang keras seorang Islam itu bermain judi kerana ia adalah amalan syaitan. Tertuduh sebelum ini pernah ditahan dan dipertuduhkan dibawah pertuduhan yang sama dan dihukum pada bulan Mei 2010 . Ini menunjukkan pengakuan kesal dan salah tertuduh itu sekadar mengaburi mata mahkamah sahaja.

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Mahkamah bersetuju dengan hujjah pendakwa supaya hukuman yang hendak dijatuhkan perlulah hukuman yang berat kerana telah dua kali kesalahan yang sama telah tertuduh lakukan. Namun pada pendapat mahkamah apakah hukuman yang wajar, setimpal dan boleh dijadikan pengajaran kepada tertuduh ataupun seluruh masyarakat. Mahkamah mengharapkan dengan hukuman yang akan mahkamah jatuhkan memberi pengajaran dan peringatan kepada tertuduh dan semua masyarakat termasuk Hakim Bicara sendiri supaya tidak mengulangi kesalahan yang sama.

Keputusan

Setelah mahkamah sabitkan tertuduh melakukan kesalahan di bawah seksyen Seksyen 81(1) Enakmen Kesalahan Syariah Selangor 1991 dan setelah mahkamah mendengar rayuan dan pendapat kedua-dua belah pihak tertuduh dan pihak pendakwa. Berdasarkan alasan-alasan di atas dengan ini mahkamah memerintahkan seperti berikut:-

Mahkamah menjatuhkan hukuman denda sebanyak **RM800.00 dan Penjara 7hari** mulai hari ini

.....
Tandatangan Hakim

20.10.2010

Alasan Penghakiman ini telah disediakan oleh Yang Arif Hakim Tuan Mohd Mirza bin Abdul Rashid, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin Melaka.

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**